

Rukhsah

Oleh : Siti Saufirah Binti Mohd Tahir
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Dalam beribadah Allah memberikan keringanan kepada orang tertentu dalam keadaan tertentu. Ia dikenali sebagai rukhsah dan rukhsah itu sendiri berasal

daripada perkataan bahasa arab. Maksud rukhsah dari segi bahasa ialah kemudahan atau keringanan. Manakala dari segi istilah rukhsah bermaksud hukum yang ber-

lawanan dengan hukum asal (azimah) disebabkan adanya keuzuran yang dibenarkan.

Berikut merupakan contoh azimah dan rukhsah yang dibenarkan dalam Islam.

Azimah (hukum asal)	Rukhsah (keringanan)
Wajib berwuduk apabila hendak solat	Boleh bertayamum ketika ketiadaan air
Haram makan bangkai	Boleh makan bangkai ketika kebuluran
Solat zohor empat rakaat	Solat zuhur dua rakaat ketika musafir
Wajib berpuasa pada bulan Ramadhan	Boleh berbuka apabila bermusafir ketika bulan Ramadhan



Secara terperinci, rukhsah terbahagi kepada lima, iaitu wajib, sunnah, mubah, khilaful awla, makhruh.

Rukhsah wajib, jika tidak dilaksanakan akan mengakibatkan kemudharatan. Contohnya hukum makan bangkai pada asalnya adalah haram. Tetapi apabila keadaan yang memudaratkan, makan bangkai adalah wajib sekiranya tiada makanan lain dan dikuatiri akan meninggal sekiranya tidak makan bangkai tersebut.

Rukhsah sunnah, disarankan untuk melakukan dan rukhsah itu yang lebih baik. Contohnya, qasar solat bagi musafir yang telah mencapai 2 marhalah atau 90km dan berbuka puasa bagi musafir yang mengalami musyaqqah.

Rukhsah mubah, boleh dilakukan dan boleh ditinggalkan. Contohnya, akad salam pada awalnya tidak dibolehkan kerana dianggap membeli barang yang ma'dum (tidak ada). Walaubagaimanapun, ianya dibolehkan mengikut persetujuan pihak yang berkontrak.

Rukhsah khilaful awla, lebih baik tidak dilakukan. Contohnya, jamak solat dan berbuka puasa bagi musafir yang tidak mempunyai musaqqah atau dengan kata mudah tanpa melakukan rukhsah, musafir masih dapat meneruskan perjalanan dan melaksanakan puasa.

Ruksah makruh, lebih baik ditinggalkan. Contohnya, mengqasarkan solat dalam perjalanan yang belum memenuhi tiga marhalah. Menurut imam Izuddin Ibn Abdissalam dalam qawaid al-ahkam fi mashalih al-anam, kemakruhan tersebut untuk menghindari perbezaan antara syafiiyah yang cukup memberikan syarat dua marhalah dan hanafiyah yang mensyaratkan tiga marhalah sehingga akan lebih baik jika rukhsah qasar dilakukan apabila lebih dari tiga marhalah. Perkara ini kerana, selain memenuhi syarat yang ditetapkan syafiiyah, hal itu juga memenuhi syarat hanafiyah.

Dalam Islam setiap ibadah yang wajib dilaksanakan pasti ada keringanan dalam pelaksanaannya selari dengan kezuran dan musaqqah yang dialami. Perkara ini kerana, ibadah yang perlu dilakukan dalam keadaan sukar akan dikurniakan pahala yang besar oleh Allah.

Manakala sekiranya seseorang berniat untuk menyukarkan dirinya dalam melakukan ibadah untuk memperoleh pahala yang lebih, maka perbuatan tersebut adalah dilarang keras oleh baginda saw. Sesungguhnya Islam itu mudah dan tidak membebankan.

